

24/04/1997

Pasaran saham tidak wajar dipengaruhi spekulasi

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusof

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pasaran saham tempatan tidak wajar terlalu bergantung kepada spekulasi dan faktor luaran seperti Bursa Saham New York yang mempengaruhi harga saham tempatan.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan pesat ekonomi negara pada kadar lapan peratus setahun sekarang, sepatutnya menjadi alasan kukuh kepada pelabur tempatan untuk tidak bergantung kepada pasaran asing dalam membuat pelaburan mereka.

Katanya, pasaran saham di Malaysia seolah-olah tidak memandang kepada keupayaan sesebuah syarikat, sebaliknya faktor luaran lebih berperanan mempengaruhi struktur urusniaganya.

"Sering terjadi apabila harga saham di New York menunjukkan kejatuhan, pasaran saham kita pun turut jatuh tapi bila pasaran saham mereka naik, saham kita tak naik pulak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Malam Amal Bersama Perdana Menteri, anjuran Persatuan Syarikat Broker Saham (ASCM), di sini, malam ini.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi ASCM, Tengku Noor Zakiah Tengku Ismail; Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Nik Mohamed Din dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr Mohd Munir Majid.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan RM5.7 juta kepada 19 badan kebajikan. Sumbangan itu adalah sebahagian daripada peruntukan untuk tujuan kebajikan bernilai RM10 juta yang disediakan ASCM.

Dr Mahathir berkata, memang umum mengetahui bahawa pasaran saham dipengaruhi sentimen spekulasi, tetapi pengaruh spekulasi yang berlebihan adalah situasi yang tidak begitu menggalakkan.

"Kita sedar perkara tertentu berperanan menjejaskan pasaran saham seperti beberapa pengumuman yang dibuat Bank Negara berhubung sesuatu isu, tetapi ia adalah perkara yang perlu dilihat secara positif.

"Bank Negara mahu menjaga keselamatan pasaran tempatan agar tidak ada satu sektor tertentu mendapat dana berlebihan hingga menghadapi masa depan yang tidak menentu," katanya.

Perdana Menteri berkata, penganalisis pasaran juga berperanan menyumbang kepada spekulasi kerana apabila mereka mengeluarkan kenyataan tertentu, membuatkan pelabur hilang keyakinan dan menjual saham mereka, sekali gus melemahkan pasaran.

"Kalau begitu, saya harap saya juga dapat memberi beberapa kenyataan tertentu untuk menaikkan pasaran saham," katanya.

Beliau berkata, spekulasi juga mewujudkan suasana saham syarikat yang baru diapungkan, mencatatkan lebih langganan pada kadar yang sukar diterima seperti sesetengah saham baru yang mencecah sehingga 80 kali lebih langganan.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan akan mengekalkan arah pembangunan ekonomi bagi meyakinkan pelabur terhadap ekonomi negara.

"Jika ada kepastian, maka pelabur akan yakin untuk menanam modal di negara ini. Jika kerajaan sering menukar hala tuju ekonomi, ini akan melemahkan dan seterusnya meruntuhkan ekonomi negara," katanya.

(END)